



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA JULAI 2025

**Jualan sektor Pembuatan merekodkan RM162.5 bilion,
meningkat 3.5 peratus pada Julai 2025**

PUTRAJAYA, 11 September 2025 - Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 3.5 peratus tahun ke tahun (Jun 2025: 3.3%), berjumlah RM162.5 bilion pada Julai 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Julai 2025** pada hari ini.

Mengulas prestasi jualan Pembuatan terkini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan nilai jualan dalam sektor Pembuatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau, berkembang 8.9 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: 14.7%). Pertumbuhan ini turut disokong lagi oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, yang masing-masing meningkat sebanyak 6.9 peratus (Jun 2025: 4.5%) dan 3.8 peratus (Jun 2025: 3.0%). Pada masa yang sama, nilai jualan meningkat 0.8 peratus, mencapai RM162.5 bilion berbanding RM161.2 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya."

Pertumbuhan nilai jualan bagi industri berorientasikan eksport yang mewakili 71.7 peratus daripada jumlah jualan, tumbuh 2.7 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: 2.4%). Prestasi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan sebanyak 6.3 peratus (Jun 2025: 15.9%). Sementara itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal tumbuh 6.9 peratus (Jun 2025: 3.8%), dan Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. meningkat sebanyak 12.4 peratus (Jun 2025: 10.5%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport susut sedikit sebanyak 0.3 peratus (Jun 2025: 4.1%).

Begitu juga, industri berorientasikan domestik kekal pada pertumbuhan stabil 5.6 peratus pada Julai 2025. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan pada 12.7 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: 14.0%); serta dalam industri Pembuatan logam asas (7.2%); dan Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (4.0%). Walaubagaimana pun, industri berorientasikan domestik meningkat 3.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, “Sejumlah 2.4 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada Julai 2025, bertambah sebanyak 1.1 peratus (Jun 2025: 1.0%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (2.0%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.4%); dan Peralatan elektrik & elektronik (1.4%). Berasaskan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini meningkat 0.2 peratus.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan pengembangan 2.3 peratus (Jun 2025: 1.6%), berjumlah RM8.31 bilion pada Julai 2025. Tambahan pula, gaji & upah yang dibayar susut 0.2 peratus berbanding RM8.33 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Selanjutnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM67,833 (2.3%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,469, meningkat 1.2 peratus tahun ke tahun.”

Merumuskan kenyataannya, Ketua Perangkawan berkata, “Bagi tempoh dari Januari sehingga Julai 2025, sektor Pembuatan merekodkan jualan kumulatif sebanyak RM1.1 trilion, tumbuh 3.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2024 (Januari – Julai 2024: 4.5%). Bilangan pekerja meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada 2.4 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.9 peratus kepada RM58.5 bilion. Selain itu, nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM466,735, tumbuh 2.5 peratus.”


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
Julai 2024 - Julai 2025**




Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia, Jun dan Julai 2025



Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Julai 2024 – Julai 2025



Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport dan Domestik Mengikut Kumpulan, Jun dan Julai 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2025